



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 JULAI 2019 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

16 JULAI 2019 (SELASA)



PENIAGA mencabut pelekat ayat al-Quran yang ditampal pada kenderaan saji ketika operasi Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, di Jalan Bukit Pantai, Kuala Lumpur.

Tanggal pelekat ayat al-Quran

■ 2 warga India salah guna ayat suci di kenderaan saji

Khairul Najib Asarulhan Khan
 khairulnajib@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Pekerja sebuah kenderaan saji yang menjual cendol dan rojak di Jalan Bukit Pantai di sini, diarahkan menanggalkan pelekat ayat al-Quran di kenderaannya kerana mendatangkan kekeliruan, semalam.

Ini berikutan siasatan awal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya mendapati makanan

dan minuman itu disediakan warga India bukan Islam.

Pada masa sama, mereka juga didapati menyalahgunakan pas dan permit.

Ketua Unit Operasi Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Md Nasir Mohamad berkata, pemeriksaan bermula jam 2 petang dilakukan selepas pihaknya menerima aduan awam.

Katanya, seramai tujuh anggota penguat kuasa melakukan pemeriksaan terha-

dap kenderaan saji terbabit, dan dua pekerja berusia 27 dan 54 tahun itu mendakwa hanya pekerja.

"Namun, apabila pihak kami meminta majikan tampil, mereka memberi pelbagai alasan.

"Kami juga mendapati mereka (dua pekerja) masuk ke negara ini atas pas sebagai pelancong dan bekerja di sektor pertanian.

"Buat masa ini, tindakan diambil mengikut Akta Pe-

rihal Dagangan 2011 dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya ketika ditemui selepas operasi berkenaan, di sini.

Sementara itu, pemandu teksi, Mohamad Ali, 53, mengaku terkejut kerana menyangka pengusahanya adalah orang Islam.

"Saya lihat ramai orang Melayu menikmati cendol dan rojak di sini dan secara tidak langsung saya ingatkan mereka beragama Islam.

"Diharapkan operasi ini kerap dijalankan bagi mengelakkan pengunjung terutama umat Islam terkeliru," katanya.

FAKTA

Masuk ke negara ini atas pas sebagai pelancong dan bekerja di sektor pertanian



Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan punca silinder LPG bersubsidi digunakan oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran. (Foto hiasan)

Kerajaan rugi RM1.717b LPG subsidi disalah guna

Kuala Lumpur: Kerajaan menanggung kerugian hampir RM1.717 bilion dalam tempoh dua tahun akibat penggunaan silinder LPG bersubsidi oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran.

Ia membabitkan kerugian dari tahun 2015 hingga 2017.

Rumusan Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1 mendapati antara faktor utama kerugian itu ditanggung adalah disebabkan kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan.

Pemantauan fizikal audit mengesahkan perniagaan seperti dobi dan kedai makan menggunakan LPG bersubsidi dalam operasi harian mereka walaupun sepatutnya menggunakan LPG komersial.

Antara kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan adalah pelantikan pembekal LPG oleh Perbendaharaan tidak membabitkan sebarang perjanjian atau proses serta kaedah pembayaran subsidi daripada kerajaan kepada syarikat berkenaan.

"Audit juga mendapati wujud

pembekal/pengedar/peruncit LPG yang beroperasi tetapi sudah luput kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Kebeharuan PDA) dan Lesen Barang Kawalan Berjadual yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Selain itu, aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap syarikat pembekal, pengedar utama dan sub pengedar bagi memastikan pematuhan terhadap akta/peraturan sukar dilaksanakan kerana tiada Standard Operasi Prosedur (SOP) dan sistem khusus dibangunkan bagi melancarkan pengurusan subsidi," katanya.

Antara lain, menurut laporan itu lagi, kekangan jumlah perjawatan anggota penguatkuasaan juga memainkan peranan terhadap kelemahan yang dikenal pasti.

"Kita juga mendapati, syarikat pemborong dan peruncit LPG gagal untuk menyelenggara rekod stok dengan lengkap dan teratur turut menyumbang kepada ketirisan yang berlaku," katanya.

Subsidi LPG ketirisan RM1.17 bilion



LPG PETROLEUM/GAS

Kuala Lumpur: Pengurusan program pemberian subsidi gas petroleum cecair (LPG) tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan sehingga berlaku ketirisan subsidi berjumlah RM1.17 bilion.

Kerugian yang dicatat sehingga 31 Disember 2017 itu disebabkan penggunaan silinder LPG yang disubsidi kerajaan digunakan bukan golongan sasaran seterusnya menyebabkan program berkenaan tidak mencapai objektif.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2018 memaklumkan wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran subsidi antaranya pembayaran subsidi LPG yang dibuat Perbendaharaan Negara

tanpa menunggu semakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terhadap kesahihan tuntutan.

Selain itu, Perbendaharaan juga tidak mempunyai prosedur operasi standard (SOP) khusus berkaitan pembayaran tuntutan subsidi oleh syarikat pembekal sehingga menyebabkan pembayaran berjumlah RM45.50 juta dibuat bagi tempoh 2015 hingga 2017 kepada syarikat pembekal minyak yang melebihi jumlah sepatutnya dengan proses semakan tuntutan JKDM mengambil masa yang lama di antara 14 hingga 649 hari.

"Berlaku kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan antaranya pelantikan pembekal LPG oleh Perbendaharaan tidak membabitkan sebarang perjanjian atau proses serta kaedah pembayaran subsidi oleh kerajaan kepada syarikat berkenaan," katanya.

"Aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap syarikat pembekal, pengedar utama dan sub-pengedar bagi memastikan pematuan terhadap akta dan peraturan berkaitan subsidi LPG sukar dilaksanakan kerana tiada

SOP dan sistem khusus dibangunkan bagi melancarkan pengurusan subsidi serta kekangan anggota penguatkuasaan.

"Kegagalan syarikat pemborong dan peruncit LPG untuk menyelenggarakan rekod stok dengan lengkap dan teratur serta terdapat premis pemborong dan peruncit yang tidak mempunyai bukti sudah diperiksa pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya.

Dalam laporan itu juga, Kementerian Kewangan dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar jelas mengenai maksud golongan sasaran dan jenis kawalan yang dihasratkan supaya selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta kepada

kementerian.

Katanya, Perbendaharaan perlu menjalankan penilaian terhadap keberkesanan program pemberian subsidi LPG bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati golongan sasaran yang ditetapkan dan mengelakkan ketirisan subsidi selain mewujudkan garis panduan yang komprehensif merangkumi proses pelantikan pembekal, tuntutan subsidi oleh pembekal dan pemantauan terhadap rantaian bekalan LPG.

"KPDNHEP perlu meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terutama berkaitan aspek penyelenggaraan rekod, pemeriksaan fizikal secara berkala dan pematuan terhadap syarat lesen," katanya.



BEKAS Pengarah YBNT dibawa ke mahkamah untuk perintah sambung reman.

TIPU PAKEJ UMRAH RM4 JUTA

Lanjutan reman 3 hari lagi

Zatul Ifrah Zolkipli
 zatuliffah@metro.com.my

Kuala Terengganu

Tempoh reman bekas Pengarah Yayasan Bakti Negara Terengganu (YBNT) dilanjutkan tiga hari hingga Khamis ini untuk membantu siasatan berhubung kes penipuan pakej umrah mem-babitkan kerugian RM4 juta pada Disember 2016.

Perintah itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mah-kamah Majistret/Ses-yen Kuala Terengganu, Roszita Md Saad bagi membolehkan siasatan lanjut di-jalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, suspek berdepan 66 pertuduhan membabitkan lebih 300 mangsa dan dijangka didakwa di mahkamah Khamis ini.

Suspek diwakili peguam, Mohd Hayyatuddin Muhamad dan Che Amir Che Musa.

Terdahulu suspek ditahan di sebuah rumah di Damansara, Kuala Lumpur, jam 11 pagi pada 11 Julai lalu oleh anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Terengganu selepas menghilangkan diri hampir dua

tahun.

Suspek yang sebelum ini di-lepaskan dengan jaminan polis sementara menunggu arahan timbalan pendakwa raya menghilangkan diri dan sen-tiasa menukar tempat persem-bunyian setiap kali serbuan di-lakukan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tereng-ganu mengesahkan siasatan mereka mendapati YBNT mempromosikan pakej umrah ditawarkan secara dalam talian

menerusi Facebook dengan bayaran rendah daripada pasaran iaitu RM4,999.

KPDNHEP Terengganu mengenal pasti dalam tempoh Jun hingga Okto-ber tahun lalu, YBNT

mencatatkan kemasukan wang berjumlah RM14.2 juta.

Penipuan pakej umrah itu di-katakan menjejaskan 4,800 je-maah daripada guru dan ke-luarga mereka selepas mem-bayar RM3,000 seorang.

Suspek sebelum ini menya-lahgunakan surat dikeluarkan Jabatan Pendidikan Negeri Te-rengganu (JPNT) dan mena-warkan pakej umrah secara subsidi kepada guru.

FAKTA
 Suspek berdepan 66 pertuduhan babit 300 mangsa



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

16 JULAI 2019 (SELASA)

HARI : SELASA
TARIKH : 16/7/2019
M/SURAT : 9

SOAL JAWAB**PROGRAM SIP1P**

SOALAN: Chan Ming Kai (PH-Alor Setar) meminta kerajaan menyatakan jumlah pemohon dan geran diberi mengikut kategori bagi program Skim Geran 1 Pelajar 1 Pendaftaran Perniagaan (SIP1P)

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA, CHONG CHIENG JEN: Sejak SIP1P dilancarkan sehingga 31 Mei 2019, seramai 46,072 orang pelajar telah mendaftarkan perniagaan di bawah skim ini dan sebanyak RM2.707 juta telah digunakan daripada jumlah keseluruhan geran.